

TEKS UCAPAN

**YB. DATUK DR. ABU BAKAR MOHAMAD DIAH
TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

PERASMIAN NANO KEBANGSAAN 2015

**SHAH ALAM CONVENTION CENTRE (SACC)
SHAH ALAM, SELANGOR
SELASA, 6 OKT 2015, 8:00 MALAM**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Selamat Petang dan Salam 1Malaysia

YANG BERBAHAGIA DATO' SRI DR. NOORUL AINUR MOHD. NUR
Ketua Setiausaha MOSTI

YANG BERUSAHA DR. ABDUL KADIR MASROM
Setiausaha Bahagian Direktorat Nanoteknologi Kebangsaan
Merangkap
Pengerusi Jawatankuasa Penganjur NanoKebangsaan 2015

Wakil-wakil media,

Tuan-tuan, puan-puan, hadirin sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan **ribuan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur Program NanoKebangsaan 2015** kerana sudi menjemput saya hadir ke majlis ini bagi merasmikan program **Nano Kebangsaan 2015**.

2. Saya mengucapkan setinggi-tinggi **syabas dan tahniah kepada Direktorat Nanoteknologi Kebangsaan serta rakan penganjur iaitu NanoMalaysia Berhad, Universiti Malaysia Pahang, SIRIM, Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), GAPENA, dan Malaysia Nanotechnology Assosiation (MNA)** atas kejayaan menganjurkan Program NanoKebangsaan 2015 ini. Tidak lupa juga, ucapan syabas kepada para peserta seminar, bengkel dan pameran kerana dengan berkat dan keizinan Allah dapat turut serta dalam program ini. Semoga program ini bukan hanya dapat meningkatkan lagi kesedaran dan ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan bidang nano, malahan ianya juga berupaya menjalin jaringan kerjasama di peringkat nasional.

3. Kalau hendak dikatakan prinsip ***National Blue Ocean Strategy* atau NBOS**, inilah dia, dimana pelaksanaan program secara kerjasama merentasi kementerian dan agensi Kerajaan berteraskan prinsip ***high impact, low cost, dan rapid execution***. Suka saya nyatakan di sini, kami di MOSTI sentiasa bersedia dan menerima mana-mana pihak, baik agensi awam mahupun swasta untuk bekerjasama menjalankan program STI. Ini kerana ia bukan hanya dapat mengurangkan kos malah lebih dari itu, mengurangkan pertindihan tugas serta menjamin penyebaran maklumat kepada rakyat lebih terjurus.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Kerajaan telah mengenalpasti **nanoteknologi sebagai teknologi yang akan menjadi pemangkin utama transformasi ekonomi** negara dan masyarakat bagi menjana sumber baharu pertumbuhan ekonomi pada masa akan datang. Dalam hal ini, MOSTI, sebagai peneraju memperkembangkan penggunaan teknologi nano sedang menggubal **Dasar Nanoteknologi** bagi memastikan negara mempunyai ekosistem yang kondusif untuk pembangunan nanoteknologi di negara ini.

5. Sebenarnya **produk yang menggunakan bahan nano telahpun wujud di pasaran**. Sebagai contoh, produk kosmetik, bahan penggilap dan penjagaan kereta, alat sukan, peralatan elektrik seperti mesin basuh, pendingin udara dan lain-lain. Maka adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk **memastikan pembangunan dan penggunaan bahan nano ini dilaksanakan secara lestari dengan menitikberatkan risiko keselamatan pekerja, pengguna dan alam sekitar**. Untuk itu, Kementerian akan turut menjalankan kajian risiko keselamatan bahan dan produk nano dan dijangka akan membangunkan satu pangkalan data yang komprehensif demi menjamin keselamatan pengguna.

6. Untuk makluman, usaha Kerajaan **melalui ScienceFund dan TechnoFund yang dikelola oleh MOSTI telah berjaya membiayai sebanyak 360 projek berkaitan bidang nanoteknologi dengan pembiayaan berjumlah RM156 juta bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke-10**. Saya yakin, Kerajaan akan terus menyediakan peruntukan untuk bidang ini dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-11. Tidak lain dan tidak bukan ialah untuk mempergiatkan lagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan nanoteknologi dengan memberi

penekanan kepada peningkatan daya upaya dan pengkomersilan hasil penyelidikan berimpak tinggi selari dengan kehendak industri dan masyarakat. Sementara itu, usaha ini akan disambut pula oleh **NanoMalaysia Berhad sebagai agensi pengkomersilan MOSTI memberi tumpuan kepada pembangunan industri nano dan aplikasi nanoteknologi ke arah meningkatkan pendapatan ekonomi negara.**

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Bagi penyelidikan strategik, **dua bahan nano utama iaitu *graphene* dan *nanocellulose* telah dikenal pasti sebagai aplikasi nanoteknologi yang berpotensi besar menyumbang kepada pembangunan industri dan pertumbuhan ekonomi.** Inovasi dalam aplikasi nanoteknologi membolehkan penyelesaian masalah dilaksanakan secara inovatif dan kos efektif. Sebagai contoh, bagi masalah pencemaran air dan bekalan air bersih, saya dimaklumkan bahawa teknologi berasaskan nano seperti penggunaan nano *membrane* dan nano *fiber* telah dibangunkan untuk tujuan tersebut.

8. Saya yakin kita semua yang berada dalam dewan ini bersetuju bahawa **teknologi nano ini sangat berpotensi untuk terus berkembang.** Selain daripada contoh yang saya sebutkan sebentar tadi, **aplikasi-aplikasi seperti peranti bioperubatan, peranti elektronik, teknologi tenaga bersih dan kejuruteraan bahan juga tidak kurang pentingnya untuk menggunakan teknologi nano.**

9. Pihak Kementerian sedar, **pengetahuan mengenai nanoteknologi perlu dihebahkan kepada masyarakat umum dengan bahasa yang mudah dan bersahaja.** Maka, tuan-tuan dan puan-puan dapat lihat **Program Nano Kebangsaan tahun ini mempunyai sedikit**

kelainan iaitu pendekatan sastera dengan memperkenalkan program Nano Budi dengan kerjasama GAPENA. Pendekatan yang inovatif ini perlu diberi sokongan dan saya amat menghargai penglibatan GAPENA. Malah saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah atas kesudian GAPENA untuk bersama mempromosikan sains, khususnya bidang nanoteknologi kepada masyarakat.

10. Hubungan strategik yang baik seperti ini perlu dikekalkan untuk menjadikan STI sebagai instrumen penting bagi membawa negara mencapai tahap pendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Adalah diharapkan dengan input-input bernas hasil daripada ceramah dan bengkel-bengkel serta pameran yang sedang berjalan sepanjang Program Nano Kebangsaan 2015 ini, dapat dimanfaatkan untuk kepentingan segenap lapisan masyarakat.

11. Mengakhiri ucapan, saya sekali lagi merakamkan ribuan terima kasih kepada kesemua pihak yang terlibat atas komitmen yang diberikan sehingga usaha pembangunan sains, teknologi dan inovasi sebegini dapat dilaksanakan secara berterusan.

12. **DENGAN HARAPAN TERSEBUT DAN JUGA LAFAZ BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN PROGRAM NANO KEBANGSAAN 2015.**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

###